

RAPANG MONGGOLIA
Lesser Sand Plover

FAMILI: Charadriidae
NAMA SAINTIFIK: *Charadrius mongolus*

CIRI-CIRI

Spesies ini boleh dikenali melalui bahagian atas badan dan kepala yang berwarna coklat kekelabuan dengan bahagian dahi, alis mata dan bahagian bawah badan yang berwarna putih. Semasa musim pembiakan, bahagian tekak akan berubah kepada warna putih yang dikelilingi oleh warna oren kemerahan yang mengunjur hingga ke bahagian dada. Terdapat garis hitam yang lebar, bermula dari pangkal paruh hingga ke belakang mata dan kelihatan seakan-akan topeng. Panjang keseluruhan bagi burung dewasa ialah antara 19-21 sm.

TABURAN

Semasa musim sejuk, spesies ini boleh ditemui di sepanjang pantai Afrika, Madagascar, Semenanjung Arab, Iran, benua India, selatan China, Taiwan, selatan Jepun, Sunda, Filipina dan Australia. Di Asia Tenggara, spesies ini biasanya ditemui semasa musim sejuk. Walaubagaimanapun, spesies ini boleh juga ditemui semasa musim panas di Semenanjung Malaysia dan Singapura.

MAKANAN

Ia memakan kumbang, cacing, belalang, dan lain-lain serangga.

HABITAT

Kebiasaannya, spesies ini boleh ditemui di beting pasir, beting lumpur, kolam-kolam di persisiran pantai, pantai, kemasu garam dan juga sungai sehingga ke ketinggian 1,065 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini biasanya mengeluarkan bunyi *krri-krri* yang pendek dan kuat terutamanya semasa terbang.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.